

## BAB 2 – KLASIFIKASI AKAUN

1. Berikan rumus persamaan perakaunan (mengambil kira hasil dan belanja).

---

2. Nyatakan satu akaun kontra bagi setiap akaun induk berikut:

Akaun Induk	Akaun Kontra
Belian	
Penghutang	

3. Nyatakan akaun yang akan didebitkan dan dikreditkan bagi urusniaga berikut

Urusniaga	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
Menerima makluman kredit menyatakan faedah atas simpanan tetap telah dikreditkan ke akaun tuan.		

4. Nyatakan akaun yang akan didebit dan dikreditkan bagi urus niaga berikut.

Urusniaga	Debit	Kredit
i) Kedai Perabot Bersatu membeli kenderaan secara kredit daripada Automobil Enterprise.		
ii) Ambilan tunai untuk membayar sewa kedai.		

5. Nyatakan akaun yang perlu didebit dan dikredit bagi setiap urus niaga berikut:-

- (i) Membawa masuk perabot ke dalam perniagaan  
(ii) Menjelaskan hutang kepada Mia Enterprise dengan cek

---



---



---



---

6. Nyatakan akaun induk dalam setiap akaun kontra berikut:

Akaun Kontra	Akaun Induk
Peruntukan hutang ragu	
Pulangan masuk	

7. Berikut adalah pernyataan berkaitan dengan sistem catatan bergu.

Marry pemilik Peniagaan Marry Taste House yang menjual kek dan biskut mengambil beberapa jenis biskut untuk sampel percubaan sempena hari raya bernilai RM250.
--

Nyatakan akaun yang perlu didebit dan dikreditkan.

Akaun yang didebit	Akaun yang dikredit

8. "Pemilik telah mengeluarkan wang sendiri untuk menjelaskan bayaran sewa kedai bulan April 2014"

Nyatakan akaun yang perlu di debit dan yang perlu dikreditkan.

---



---

9. Namakan satu akaun kontra bagi setiap akaun induk di bawah

Akaun Induk

Akaun Kontra

- (i) Akaun Jualan .....
- (ii) Penghutang .....

10. Nyatakan akaun yang didebit dan dikreditkan dalam urusan berikut:

Membayar insurans rumah kediaman dengan cek perniagaan
--

---



---

11. Berikan contoh belanja kendalian dan bukan kendalian bagi perniagaan komputer.

Belanja kendalian	Belanja bukan kendalian

12. Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan bagi urusan di bawah :

Membayar sewa kediaman dengan cek perniagaan.
---

Akaun Debit	Akaun Kredit

13. Nyatakan sama ada belanja di bawah ialah belanja kendalian atau belanja bukan kendalian.

Kerosakan kerana banjir	
Gaji pekerja	

14. Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan bagi urusan berikut.

Urus niaga	Debit	Kredit
Pulangan barang niaga kepada Pembekal Aboo RM450.		
Cek yang dibayar oleh Mustaqim RM2 300 telah dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".		

15. Bagi urus niaga berikut. nyatakan akaun yang didebit dan dikreditkan.

(i) Kedai Perabot Lim membeli 2 buah almari bernilai RM2 800 dengan cek.

(ii) Pemilik menjelaskan bil elektrik rumahnya dengan tunai RM300.

---



---



---



---

16. Lengkapkan jadual di bawah.

Klasifikasi Akaun	Butir (contoh)
Aset Semasa	
	Hasil Sewa Terdahulu

17. Berikut adalah urus niaga yang berlaku bagi sebuah perniagaan.

Encik Jansen, pemilik Kedai Pakaian Jansen telah mengambil sebuah komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan.

Nyatakan akaun yang akan didebitkan dan dikreditkan.

---



---

18. Urus niaga berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Perabot Mega:

Mengambil dua buah almari RM1 800 untuk kegunaan perniagaan.

Apakah akaun yang didebit dan dikredit bagi urus niaga tersebut.

Akaun Debit	Akaun Kredit

19. Pada 15 Jun 2013, pemilik Kedai Perabot Goon telah mengambil sebuah almari bernilai RM750 untuk kegunaan perniagaan. Nyatakan akaun yang didebitkan dan akaun yang dikreditkan bagi urus niaga tersebut di atas.

Akaun yang didebitkan	Akaun yang dikreditkan

20. Lengkapkan jadual Persamaan Perakaunan berikut:

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
(i)	RM20 500	RM9 000	?

21. Nyatakan klasifikasi akaun yang betul sama ada aset, liabiliti, ekuiti pemilik, hasil atau belanja bagi item yang berikut.

Item	Klasifikasi Akaun
i. Gadai janji	
ii. Deposit telefon	

22. Kunci kira-kira berikut dipetik daripada Perniagaan Zass pada 31 Julai 2013.

Kunci kira-kira pada 31 Julai 2013			
	RM		RM
Premis	90 000	Modal	110 200
Alatan Pejabat	13 600	Pemiutang	36 800
Bank	24 000		
Penghutang	19 400		
	<u>147 000</u>		<u>147 000</u>

Pemilik Perniagaan Zass telah mengambil sebuah komputer perniagaan bernilai RM1 999 untuk digunakan oleh anaknya yang sedang menuntut di universiti.

Nyatakan nilai baru bagi akaun-akaun yang terlibat setelah mengambil kira urusan tersebut.

---



---



---

23. Namakan akaun yang perlu didebit dan dikreditkan bagi urusan di bawah.

Urus niaga	Debit	Kredit
Ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri		

24. Tandakan (✓) mengikut pengelasan akaun yang betul pada lajur yang sesuai.

Butiran	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik	Hasil	Belanja
Faedah Simpanan Tetap					
Deposit Sewa					

25. Nyatakan kesan urusan berikut ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik.

Urus niaga	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Membeli sebuah komputer bernilai RM2 590 daripada Kedai Komputer Umi.			

26. Nyatakan akaun yang akan didebitkan dan dikreditkan bagi urusan niaga berikut:

Urus niaga	Debit	Kredit
Memulangkan barang niaga RM150 kepada Pembekal Raju		
Menjual barang niaga bernilai RM6 300 kepada Syarikat Ayu		

27. Nyatakan Akaun yang akan didebitkan dan dikreditkan bagi urusan niaga di bawah:  
"Memulangkan barang niaga kepada pembekal Manis Madu Enterprise"

Akaun Debitkan	Akaun Kreditkan